

21 MAY 2003

MAHATHIR-BON/I

M'SIA TIADA RANCANGAN TERBIT BON GLOBAL, KATA PERDANA MENTERI

Oleh Mohd Arshi Daud

PUTRAJAYA, 21 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan kerajaan tidak mempunyai rancangan dalam waktu terdekat ini untuk menerbitkan bon global bagi mengumpul wang daripada sumber luar.

Ianya ternyata bercanggah dengan spekulasi bahawa negara mungkin berbuat demikian untuk membiayai pakej ekonomi.

"Kita tidak perlu meminjam dari luar," katanya pada sidang media selepas mengumumkan pakej ekonomi untuk merangsang pertumbuhan ekonomi Malaysia ekoran penularan wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) dan perang Iraq di pejabatnya di sini.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan berkata "Malaysia kaya dengan tunai dan sebarang terbitan bon antarabangsa adalah untuk tujuan menanda aras."

"Malangnya, ia (wang tunai) bukan milik kerajaan tetapi pelbagai organisasi seperti Tabung Haji dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Kerajaan, katanya boleh menanggung bahagiannya daripada pakej ekonomi bernilai RM7.3 bilion itu, berjumlah RM1.7 bilion.

Baki pakej itu akan disediakan oleh Bank Negara (RM2 bilion), dan institusi kewangan pembangunan; Bank Pertanian Malaysia, Bank Simpanan Nasional, Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Bhd (RM3.6 bilion).

"Tentu sekali kerajaan perlu meminjam dan ini mungkin akan membawa kepada peningkatan sedikit dalam defisit," katanya.

Pakej strategi baru itu untuk merangsang pertumbuhan ekonomi akan menyebabkan kerugian dalam pendapatan kerajaan yang berjumlah hingga RM800 juta setahun, daripada peruntukan insentif dan pengecualian cukai.

"Dan bank-bank, yang terpaksa membantu sebahagian daripada pakej itu perlu mengumpul dana menerusi terbitan bon," kata Dr Mahathir.

Bon-bon ini akan menawarkan pulangan yang lebih baik berbanding apa yang diperolehi oleh institusi seperti KWSP dan Tabung Haji daripada pelaburan mereka dalam pasaran saham dan deposit tetap, kata Perdana Menteri.

"Kita berharap institusi seperti KWSP dan Tabung Haji akan melanggan bon-bon ini," katanya.

Dr Mahathir berkata pakej itu akan memberi kesan yang lebih besar berbanding RM7.3 bilion yang diperuntukkan bagi pelaksanaannya.

Jika sekiranya ia tidak memberi sumbangan positif kepada angka Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia, Dr Mahathir berkata ia sekurang-kurangnya "membantu meringankan keadaan."

Apabila ditanya sama ada sasaran semakan KDNK pada 4.5 peratus akan semak semula, Perdana Menteri berkata : "Kami berharap akan dapat mencapai pertumbuhan yang disasarkan."

Beliau yang menyatakan bahawa kesan SARS adalah lebih kecil daripada yang dijangkakan, bagaimanapun berkata kerajaan perlu lebih banyak berbelanja untuk menyuntik semula keyakinan kepada industri perhotelan, yang paling teruk terjejas akibat wabak tersebut.

"Sudah tentu nasihat perjalanan yang mendakwa Malaysia adalah tempat yang merbahaya tidak banyak membantu," katanya yang merujuk kepada nasihat perjalanan yang dikeluarkan oleh Jabatan Negara AS kepada rakyatnya agar tidak berkunjung ke Malaysia.

Apabila ditanya sama ada defisit tambahan akibat daripada pakej itu bermakna kerajaan tidak mampu mengimbangi akaunnya pada 2005 seperti yang dirancang di bawah Pelan Malaysia Kelapan, Dr Mahathir berkata:

"Kita tak boleh cakap lagi ketika ini. Saya tidak tahu apa penyakit lain lagi yang akan muncul dan sama ada mungkin akan ada perang lagi."

Beliau mendedahkan bahawa ketika sasaran untuk mengimbangi akaun pada 2005 dibuat, kerajaan tidak menjangkakan beberapa perkara akan muncul seperti SARS dan perang di Iraq.

Bagaimanapun, persekitaran ekonomi domestik negara jauh lebih baik berbanding negara lain yang juga dilanda oleh wabak SARS dan yang terjejas akibat daripada perang di Iraq, katanya.

Apabila diminta mengulas mengenai penurunan nilai dolar AS, beliau berkata dolar Amerika sedang lemah manakala euro pula sedang mengukuh, ia kini memberi pilihan kepada Malaysia dalam perdagangan antarabangsa untuk membeli dalam dolar AS dan menjual dalam euro.

Dolar AS kehilangan kekuatannya berikutan penurunan ekonomi AS, katanya.

"Ketika ini, mereka terlebih belanja, mereka mempunyai defisit yang sangat besar dan imbalan perdagangan mereka tidak memihak kepada mereka," katanya.

Dr Mahathir menyatakan dengan keadaan pelabur Arab yang kini tidak lagi gembira dengan wang yang dilabur di AS dan menarik keluar dari negara tersebut, ia akan memberikan tekanan yang lebih besar kepada dolar Amerika.

Euro ketika ini berada di paras tertinggi dalam tempoh empat tahun berbanding dolar Amerika dan diniagakan pada kira-kira AS\$1.17.

Sejak awal 2002, dolar telah jatuh 24 peratus berbanding euro.

Dengan ringgit ditambah kepada dolar AS pada 3.80, beliau berkata mata wang Malaysia sudah pastinya terjejas oleh penurunan nilai dolar AS.

"Bagaimanapun kerajaan tidak merancang untuk menyemak semula tambatan itu," katanya.

Satu cara untuk mengekang kesan tersebut adalah dengan Malaysia menyimpan lebih banyak rizabnya dalam mata wang lain seperti euro dan yen kerana negara akan mendapat faedah daripada peningkatan mata wang-mata wang ini berbanding dolar AS. -- BERNAMA

MAD MR ZK